

14/10/2003

Tidak salah menghargai pemimpin

SELEPAS pelbagai usaha dibuat untuk mencemarkan imej Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menemui kegagalan, Pas nampaknya tidak pernah serik malah kali ini mempertikaikan pula usaha pelbagai pihak memperingati jasa Perdana Menteri menjelang persaraannya akhir bulan ini. Dalam lidah rasmi parti itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berpendapat, usaha berkenaan hanya bertujuan menonjolkan jasa dan memuji Dr Mahathir, tetapi tidak mempersoalkan kesilapannya. Ternyata, pemimpin dan parti yang mengaku memperjuangkan Islam itu iri hati dan dengki dengan penghormatan yang diberikan kepada pemimpin ulung itu.

Seperti kata Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, penghargaan dan penghormatan yang diberikan kepada Dr Mahathir lahir daripada keikhlasan rakyat dan bukan bertujuan mendewa-dewakan beliau. Rakyat Malaysia adalah bangsa yang tahu mengenang budi dan dididik untuk menghormati sumbangan pemimpin negara. Oleh itu, tidak salah kiranya mereka menghargai pengorbanan Dr Mahathir yang selama lebih 22 tahun memimpin negara dan rakyat Malaysia. Penghormatan itu juga jelas membuktikan bahawa rakyat menerima hakikat sebenar dan tidak terpengaruh dengan pembohongan dan kebencian yang dilaungkan pemimpin Pas.